

10/03/2005

Hasrat MB ubah status Pulau Besar

Oleh Daud Awang

BOLEHKAH Pulau Besar, Melaka mendapat status pulau bebas cukai setaraf Pulau Langkawi, Labuan dan Tioman? Satu topik hangat yang sedang diperkatakan ketika ini.

Berbanding tiga pulau yang sudah mendapat status bebas cukai, ternyata kemudahan di Pulau Besar berbeza antara langit dan bumi dengan tiga pulau berkenaan.

Apa yang menarik di Pulau Besar? Jawabnya tidak ada. Jika ada persamaan pun, Langkawi terkenal dengan gamatnya tetapi Pulau Besar terkenal dengan makam keramatnya.

Pulau seluas 120 hektar yang tidak mempunyai penempatan penduduk itu menempatkan makam tujuh beradik dan makam Sultan Ariffin yang dianggap 'keramat' oleh sesetengah pihak. Selain itu, ada beberapa tempat lain yang menjadi legenda di pulau berkenaan, selebihnya tidak ada apa-apa.

Pulau Besar yang terletak kira-kira 30 minit perjalanan menggunakan bot laju dari tanah besar, kini mempunyai pelbagai kemudahan termasuk hotel, chalet dan sebuah padang golf dan berjaya menarik ribuan pengunjung setiap minggu.

Pada masa ini dua hotel beroperasi di pulau berkenaan yang mana setiap minggu kira-kira 60 peratus bilik hotelnya penuh.

Berikutan itu, kerajaan negeri bercadang untuk menjadikan Pulau Besar sebagai pulau bebas cukai bagi menarik kedatangan lebih ramai pelancong ke negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam ketika berucap merasmikan Mesyuarat Pengarah Kastam SeMalaysia ke-49, di sini Isnin lalu berkata, permohonan untuk mendapatkan status pulau bebas cukai itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bulan depan selepas kertas kerja mengenainya siap.

Seperti yang pernah dikatakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) dua tahun lalu: "Melaka negeri kecil, tetapi pemimpinnya berjiwa besar".

Kata-kata ini sedikit sebanyak menggambarkan corak kepemimpinan Ketua Menteri yang terkenal dengan semangat bekerja, sentiasa membuat 'kejutan' dan pembaharuan demi memajukan rakyat dan negeri Melaka.

Jika kerajaan negeri serius mahu membangunkan Pulau Besar sebagai pulau bebas cukai selain satu lagi tarikan pelancongan, maka kajian lebih terperinci perlu dilakukan untuk mengenal pasti keperluan dan daya maju projek berkenaan.

Secara logiknya, Kerajaan Pusat tidak semudah itu mahu mengisytiharkan Pulau Besar sebagai pulau bebas cukai dalam tempoh yang terdekat ini kerana pelbagai aspek dan faktor perlu diambil kira.

Selain faktor geografi, kemudahan asas, prasarana, daya tarikan, kesan pembangunan, keselamatan, sumber kewangan dan sebagainya perlu diambil kira sebelum pulau berkenaan diberi status bebas cukai.

Apa pun, seperti yang ditegaskan oleh Ketua Menteri, jika permohonan itu diluluskan Kerajaan Pusat, Pulau Besar akan bertukar wajah dan menjadi tarikan pelancong yang memberi faedah kepada peniaga, pengusaha pelancongan dan rakyat di negeri ini.

"Kita berharap Kementerian Kewangan dapat meluluskan permohonan untuk menjadikan Pulau Besar sebagai pulau bebas cukai seperti Pulau Tioman kerana ia dapat menarik pelancong untuk membeli-belah di pulau berkenaan," katanya.

Berikutan itu, kerajaan negeri menubuhkan Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) yang akan dibenteng untuk diwartakan pada Sidang Dewan Undangan Negeri, akhir bulan ini.

Melalui perbadanan itu, kerajaan negeri mempunyai bidang kuasa yang lebih luas untuk memperindahkan lagi kawasan sekitar pantai di pulau berkenaan supaya ia menjadi lagun yang lebih menarik.

Pulau Besar yang terkenal dengan air yang jernih dan lagun yang menarik dapat dicantikkan dengan mengorek batu yang banyak di dasarnya dan menggantikan dengan pasir untuk keselesaan pengunjung yang ingin mandi manda di pulau itu.

Jika permohonan itu diluluskan, Pulau Besar akan menjadi pulau keempat di negara ini yang mendapat status bebas cukai selepas Labuan, Langkawi dan Tioman.

Secara rasionalnya, Pulau Besar jika mendapat status pulau bebas cukai boleh dibangunkan menggunakan sumber kewangan kerajaan negeri. Tetapi dari mana sumber kewangan itu diperolehi?

Mohd Ali berkata, cukai eksais bagi kereta Honda yang dikeluarkan di kilang yang beroperasi di Alor Gajah, sepatutnya dimasukkan ke dalam hasil kutipan cukai kastam Melaka dan bukannya di Wilayah Persekutuan.

Sebagai contoh, katanya, sebanyak 18,000 unit kenderaan dikeluarkan oleh syarikat Honda tahun lalu membabitkan cukai eksais sebanyak RM570 juta.

"Jika Kerajaan Pusat memberi rebat sebanyak lima peratus daripada RM500 juta, kerajaan negeri mempunyai sumber kewangan RM25 juta setahun dan wang ini boleh digunakan sepenuhnya untuk membangunkan Pulau Besar.

"Apa yang berlaku sekarang ialah kutipan cukai itu masuk dalam akaun kastam Wilayah Persekutuan sedangkan kereta itu dikeluarkan di Melaka," katanya.

Berdasarkan perkiraan itu, tidak ada sebab mengapa Pulau Besar tidak layak mendapat status pulau bebas cukai jika diasaskan dari faktor kewangan.

Jika ia menjadi kenyataan, sudah pasti Melaka mempunyai daya tarikan terbaru pelancongan selain Sungai Melaka yang kini pada peringkat terakhir melaksanakan kerja mencantik dan mengindahkannya setaraf Sungai St Antonio, di Texas.

(END) Source : Berita Harian